

**ELEMEN SYUKUR DALAM PSIKOTERAPI ISLAM:
ADAPTASI TERHADAP RAWATAN PEDOFILIA****ELEMENT OF GRATITUDE IN ISLAMIC PSYCHOTHERAPY:
ADAPTION FOR PEDOPHILIA TREATMENT**

Abur Hamdi Usman¹, Syarul Azman Shaharuddin², Norsaleha Mohd Salleh³, Mohd Norzi Nasir⁴, Rosni Wazir⁵, Muhammad Fakhur Razi Shahabudin⁶

¹ Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, aburhamdi@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, syarulazman@kuis.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, norsaleha@kuis.edu.my

⁴ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mohdnorzi@kuis.edu.my

⁵ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, rosni@kuis.edu.my

⁶ Pelajar Sarjana, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, nurfurqanrazi92@gmail.com

* Abur Hamdi Usman

Artikel diterima: 25 Mei 2020

| Selepas Pembetulan: 26 Jun 2020

| Diterima untuk terbit: 02 Julai 2020

Abstrak

Pedofilia adalah satu kategori seksual songsang yang lahir akibat kerakusan manusia dalam mempertuhankan nafsu dan syahwat. Pengaruh bahaya pedofilia ini boleh merebak dan menular dalam masyarakat Malaysia apabila kebanyakan mangsa akan menjadi pemangsa pada satu tahap. Oleh itu, penting kajian seperti ini dibahaskan agar menyumbang usaha ilmiah berkenaan isu sebegini dalam masyarakat. Artikel ini bertujuan untuk meneliti konsep dan intipati syukur yang dapat diadaptasi kepada rawatan pedofilia. Dengan menggunakan metode kualitatif, kajian ini telah menggunakan dua kaedah, iaitu analisis dokumen dan temubual responden. Seramai 10 pesalah pedofilia telah ditemubual bagi mengumpulkan data kajian. Artikel ini mendapati beberapa ayat al-Quran dan hadis yang sesuai dijadikan sebagai dalil tentang syukur dalam merawat pedofilia. Malah, terdapat dalam kalangan sarjana dan tokoh ilmuan tasawuf menjadikan syukur sebagai elemen psikoterapi dan penyucian jiwa dalam karya masing-masing. Justeru itu, pengadaptasian elemen syukur terhadap golongan pedofilia dapat dijadikan sebagai asas kepada modul rawatan pemulihan dan psikoterapi Islam secara khusus.

Kata kunci

Elemen, Syukur, Pedofilia, Rawatan, Psikoterapi Islam, Adaptasi

Abstract

Pedophilia is an inverse sexual category born of human greed in the pursuit of lust. The dangers of pedophilia can spread in Malaysian society when most victims become predators at one level. Therefore, it is important that this study be discussed so that there is a scientific effort on this issue in society. This article aims to examine the concepts and content of gratitude that can be adapted to the treatment of pedophilia. Using qualitative methods, this study found many Quranic verses and hadiths to be used as arguments for gratitude in Islamic psychotherapy. In fact, there are some scholars of Sufism using gratitude as elements of al-Nafs psychotherapy and tazkiyah

in their respective works. Therefore, the adaptation of the gratitude element to the pedophiles can serve as the basis for the Islamic rehabilitation and psychotherapy treatment module in particular.

Keywords

Element, Gratitude, Pedophilia, Treatment, Islamic Psychotherapy, Adaption

1. Pendahuluan

Pedofilia menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* bermaksud keinginan mengadakan hubungan seks dengan kanak-kanak (Noresah, 2005). Istilah ini atau dalam kata yang lain gangguan *pedophilic* di dalam *Diagnostic and Statistical Manual Disorder (DSM-5)* didefinisikan sebagai *paraphilia* yang merangkumi ketegangan, kemahuan dan fantasi seksual terhadap kanak-kanak belum dewasa yang menyebabkan seseorang individu itu tertekan dan menghadapi kesukaran interpersonal (Berlin, 2014). Fakta di sebalik fenomena ini adalah berlakunya peningkatan kajian terhadap pedofilia sejak tahun 1980a. Malah kebanyakan kajian mendapati golongan lelaki lebih ramai menghadapi gangguan pedofilia ini daripada wanita. Namun begitu, belum didapati penawar mujarab yang dihasilkan bagi merawat gangguan ini daripada terus merebak. Tetapi kaunseling atau psikoterapi dinilai mampu membantu mengurangkan keghairahan individu untuk melakukan salahlaku seksual terhadap kanak-kanak (Fagan et al., 2002).

Turut menambah kebimbangan berkaitan statistik yang disediakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan catatan 22, 234 kes yang melibatkan penderaan seksual terhadap kanak-kanak daripada tahun 2010 hingga Mei 2017 (Nor et al., 2018). Kementerian Wanita, Keluarga, dan Pembangunan Masyarakat Malaysia juga melaporkan peningkatan jumlah kes penderaan seksual kanak-kanak yakni 3428 kes pada tahun 2011, 3831 pada tahun 2012, dan 3841 kes pada tahun 2013 (Noor et al., 2017). Jumlah ini amat merisaukan, disebabkan ketiadaan kajian yang membuktikan bahawa pedofilia boleh diubah. Sebaliknya, intervensi yang dibentuk adalah untuk meningkatkan kawalan terhadap rangsangan seksual, mengurangkan keinginan seks, atau kemahiran pengurusan diri kepada individu yang bermotivasi untuk mengelakkan sebarang tindakan terhadap tarikan seksual mereka (Seto, 2009).

Ketidakseimbangan di antara kemajuan negara dan kerohanian dalam pembentukan jati diri masyarakat pada hari ini menyebabkan masyarakat terlibat dengan jenayah, seperti penagihan dadah (Wazir, Usman, Mohd Saleh, Sudi, Awang, & Rosman, 2019) dan termasuklah pedofilia. Oleh sebab itu, penulisan artikel ini dilakukan bagi menyuntik sumbangan ilmiah terhadap kajian pedofilia, khususnya di Malaysia. Artikel ini memfokuskan terhadap konsep syukur yang dijadikan sebagai elemen penting dalam rawatan psikoterapi Islam bagi merawat pesalahlaku pedofilia.

Perbuatan syukur termasuk salah satu tingkatan tertinggi dalam dunia kesufian, kerana mencerminkan karakter luhur dari seorang muslim yang taat menjalankan perintah Allah SWT dengan penuh ketulusan dan keikhlasan. Orang yang bersyukur melihat anugerah dalam lipatan ujian (*mihnah*) sehingga ia pun menerima bencana dengan wajah ceria. Seseorang tidak disebut dalam keadaan bersyukur yang paripurna

sehingga ia mampu bersyukur dalam keadaan suka mahupun duka (Tsabit, 2009). Justeru, elemen syukur yang dibincangkan dalam artikel ini telah mengambil kira hujah autentik daripada ayat al-Quran dan hadis. Kedua-dua sumber utama dalam Islam ini dibahasakan dengan merujuk pandangan ulama tasawuf yang menjadikan syukur sebagai elemen psikoterapi dan penyucian jiwa dalam karya masing-masing.

2. Syukur menurut al-Quran dan hadis

Syukur menurut makna bahasa adalah *الثناء على المحسن بما أؤلاؤه من المعروف* yang bermaksud pujian bagi orang yang memberikan kebaikan atas kebaikannya tersebut (Ibn Manzūr, 1984). Menurut al-Rāghib al-Aʿfahānī (2002) syukur bermaksud menggambarkan atau menzahirkan kenikmatan. Lawan katanya adalah kufur, iaitu melupakan nikmat yang diberikan dan menyembunyikannya.

Aḥmad Ibn Fāris al-Qazwīnī (1999) dalam karyanya *Muʿjam Maqāyīs al-Lughah* mengatakan bahawa syukur memiliki empat makna dasar yang saling berkaitan, antaranya:

- i. Pujian terhadap manusia berupa kebaikan. Hakikat dari syukur ini bermaksud mudah merelakan (*reda*).
- ii. Syukur dalam erti sesuatu yang terisi penuh dan berlimpah.
- iii. Syukur yang bererti sangat atau lebih.
- iv. Syukur dalam maksud nikah/pernikahan.

Perkataan syukur dalam *Kamus Dewan* pula merujuk kepada makna mensyukuri, mengucapkan syukur terhadap nikmat Allah SWT, kesyukuran hal atau rasa syukur (Noresah, 2005). Dengan begitu, hakikat syukur adalah menzahirkan nikmat, sedangkan hakikat kekufuran adalah menyembunyikannya. Menzahirkan nikmat antara lain bererti menggunakannya pada tempat dan sesuai dengan yang dikehendaki oleh pemberinya, juga menyebut-nyebut nikmat dan pemberinya dengan lisan (Muhammad Quraish, 1996). Oleh itu, syukur adalah pujian kepada sesiapa sahaja yang telah berbuat baik kepadanya (Amir al-Najar, 2004).

Syukur menurut makna Istilah adalah *الشكر ظهور أثر نعمة الله على لسان عبده: ثناء واعترافاً، وعلى قلبه شهوداً وعلى جوارحه انقياداً وطاعة* yang bermaksud menzahirkan kewujudan nikmat Allah SWT pada lisan hambaNya. Menerusi pujian dan pengiktirafan kepadaNya. Menerusi hati dengan persaksian dan kecintaan kepada Allah SWT. Melalui anggota badan, berupa kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 2010).

Perkataan syukur menurut perspektif al-Quran sentiasa diikuti dengan makna sesuatu yang bernilai banyak, penuh, bertambah, lebih, sangat dan berlimpah. Rumusannya makna asas bagi perkataan syukur adalah balasan yang banyak atas kebaikan yang sedikit (Muhammad Quraish Shihab, 1996). Istilah ini diulang sebut oleh Allah SWT di dalam al-Quran sebanyak 75 kali (Muhammad Fūʿād 'Abd al-Baqī, 2001). Berdasarkan pandangan penulis, syukur tidak terhad digunakan sebagai manifestasi perbuatan manusia dalam mensyukuri nikmat, tetapi ianya juga dalam rangka mengungkapkan sikap Allah SWT terhadap apa yang dilakukan hambaNya. Ekoran daripada itu, perkataan *shakir* (yang bersyukur) dalam bentuk *ism fā'il* atau *shakūr* (yang sangat

bersyukur) dalam bentuk *sigah mubālaghah* (bentuk bersangatan) tidak hanya dilekatkan kepada manusia, melainkan juga disandarkan kepada Allah SWT.

Sebagaimana yang diebutkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah di atas, konsep syukur disebutkan dalam al-Quran diklasifikasikan kepada tiga (3) aspek utama, yaitu: Syukur hati dengan mezhahirkan kenikmatan. Syukur lisan dengan menyebut segala kebaikan si pemberi nikmat. Dan syukur amalan dengan menyebarkan apa jua bentuk kenikmatan kepada individu yang berhak menerimanya (al-Rāghib al-A'ṣfahānī, 2002). Sehubungan dengan itu, penulis menilai konsep syukur dalam al-Quran secara asasnya membincangkan empat (4) unsur, iaitu:

- i. Sebab yang menjadikan manusia mesti bersyukur.
- ii. Cara bersyukur kepada Allah SWT.
- iii. Ganjaran bagi orang yang bersyukur kepada Allah SWT.
- iv. Balasan terhadap orang yang enggan bersyukur kepada Allah SWT.

Perintah untuk sentiasa melakukan aktiviti syukur, dirakamkan oleh Allah SWT menerusi firmannya:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ

Maksudnya:

Maka ingatlah kepada-Ku, Aku pun akan ingat kepadamu. Bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu ingkar kepadaKu.

Surah al-Baqārah (2): 152

Menerusi ayat ini Allah SWT memerintahkan bersyukur dan menjanjikan pahala bersyukur berupa tambahan kebaikan dariNya (Ibn Kathīr, 2002). Dengan begitu, ayat ini mengandungi perintah untuk mengingati Allah SWT melalui zikir, tahmid, tasbih, dan membaca al-Quran dengan penuh penghayatan yang mendalam sehingga menyedari kebesaran, kekuasaan, dan keesaan Allah SWT. Begitu juga menjauhi segala larangan Allah SWT sehingga akan terbuka pintu kebaikan. Sebagaimana janji Allah SWT pada ayat yang lain:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan 'Sesungguhnya jika kamu bersyukur, niscaya aku akan menambah (nikmat) kepadamu, tetapi jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka pasti azab-Ku sangat berat.

Surah Ibrahim (14): 7

Di dalam al-Quran, perkataan *Alhamdulillah* (segala puji bagi Allah) sering disebut di awal dan menjadi bahagian dari ekspresi bahasa yang sangat penting. Ekspresi Bahasa *Alhamdulillah* merupakan kelaziman untuk mengakui akan kenikmatan yang Allah SWT berikan sehingga lafaz tersebut memberikan pesan penting untuk mengungkap rasa syukur melalui bahasa lisan (Sachiko & William, 2005).

Selain daripada ayat Quran, terdapat juga beberapa hadis yang mengulas makna syukur. Hadis yang diiktiraf oleh ulama dengan ucapan, perbuatan dan perakuan yang dihubungkan kepada Rasulullah SAW melalui jalan riwayat yang sahih

telah diterima secara ijmak oleh umat Islam sebagai sumber Islam kedua selepas al-Quran. Kedudukannya yang sangat tinggi dalam syarak kerana berfungsi untuk memperjelas maksud ayat al-Quran sebagaimana dalam surah al-Nahl ayat 44 (Usman, 2017). Berkaitan dengan hadis syukur, antaranya Nabi SAW bersabda:

انظروا إلى من أسفل منكم، ولا تنظروا إلى من هو فوقكم، فهو أجدر أن لا تزدروا نعمة الله

Maksudnya:

Lihatlah orang yang dibawah kalian dan janganlah melihat orang yang di atas kalian, sebab hal itu akan mendidik kalian untuk tidak meremehkan nikmat Allah SWT.

Muslim, no 2963

Al-Munawī (t.th.) menjelaskan bahawa syaitan selamanya akan memalingkan pandangan manusia pada orang yang berada di atasnya dalam masalah dunia. Syaitan akan membisikkan padanya: *'Kenapa engkau menjadi kurang semangat dalam mencari dan memiliki harta supaya engkau dapat bergaya hidup mewah?'* Namun dalam masalah agama dan akhirat, syaitan akan memalingkan wajahnya kepada orang yang berada di bawahnya (yang jauh dari agama). Syaitan akan membisik-bisikkan, *'Kenapa dirimu merasa rendah dan hina di hadapan Allah?'* *Si fulan itu masih lebih berilmu darimu'*.

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda tentang keelokan orang beriman dengan hiasan syukur dalam aktiviti hariannya:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ، إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ، صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

Maksudnya:

Hebatnya keadaan seorang mukmin segalanya baik padanya dan tiadalah perkara ini kecuali kepada mukmin. Jika mendapatkan kegembiraan dia bersyukur maka ia baik untuknya, jika ditimpa mudarat dia bersabar maka ia baik untuknya.

Muslim, no 2999

Imam al-Nawawi (1987) mensyarahkan hadis di atas dengan menyatakan bahawa setiap Mukmin yang sempurna keimanannya akan sentiasa mendapat kebaikan dalam urusannya kerana dia sentiasa bersyukur. Manakala apabila ditimpa kesusahan dia bersabar dengan ujian tersebut sehingga dapat menaikkan kedudukannya serta dianugerahkan pahala tanpa batasan daripada Allah SWT. Seseorang yang tidak beriman akan ditimpa musibah kerana hatinya sentiasa keluh kesah, jiwa yang selalu meronta dan terseksa. Malah hati sentiasa dipenuhi perasaan hasad dengki, kemarahan dan memberontak. Tambahan pula mereka tidak reda walaupun telah banyak diberikan pelbagai nikmat disebabkan tidak bersabar di atas musibah tersebut. Hal ini membuktikan pentingnya sifat syukur apabila seseorang mendapat kebaikan dan bersabar apabila ditimpa musibah yang menjadikan seseorang itu sebenar-benar Mukmin. Meskipun pada kenyataannya amatlah sedikit dalam kalangan hamba yang diberikan dua sifat ini. Justeru, taufik dan hidayah Allah SWT amat diperlukan untuk meraih anugerah ini memandangkan sifat syukur dan sabar itu adalah sebaik-baik nikmat.

3. Syukur menurut padangan ulama

Syukur dalam konteks manifestasi kehambaan digambarkan oleh al-Ghazali (1983) sebagai suatu sifat yang diberikan ganjaran oleh Allah SWT dengan balasan yang banyak meskipun kebaikan atau ketaatan yang diamalkan adalah sedikit. Dalam hal ini, seseorang yang bersyukur kepada manusia atau makhluk lain menurut M. Quraish Shihab (2007) adalah individu yang memuji kebaikan serta membalas dengan sesuatu yang lebih baik atau lebih banyak dari apa yang telah diberikan/dilakukan oleh pihak yang memberikannya. Justeru bentuk syukur yang sedemikian merupakan bahagian daripada konsep syukur kepada Allah SWT.

Dengan begitu, syukur menunjukkan luahan perasaan kegembiraan yang dizahirkan dengan amalan perbuatan. Menurut Abū Ṭalib al-Makkī (1997), syukur bererti memperlihatkan atau menzahirkan nikmat kurniaan Allah SWT. Hamba yang bersyukur menzahirkan syukurnya itu dengan menceritakan atau menunjukkan tentang nikmat Allah SWT dengan lisannya sehingga jelas kelihatan nikmat tersebut. Bahkan nilai perlu diberikan kepada pemberi sesuatu yang menyebabkan penerima merasa bersyukur dengan pemberian tersebut. Nilai positif tersebut menurut Syeikh al-Mutawalli Al-Sha'rawī (1999) adalah pemberian pujian kepada pemberi nikmat daripada seseorang yang telah diberikan nikmat. Begitu juga dengan mendoakan segala kebaikan untuk mereka, sebagaimana dikatakan: *kasru khairuka* (anda akan memperoleh banyak kebaikan). Tidak menghairankan apabila Syeikh al-Mutawalli Al-Sha'rawī (1999) turut menghubungkan syukur dengan iman sesuai dengan firman Allah SWT:

مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَدَابِكُمْ إِنْ شَكَرْتُمْ وَءَامَنْتُمْ وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا

Maksudnya:

Apa gunanya Allah menyeksa kamu sekiranya kamu bersyukur (akan nikmatNya) serta kamu beriman (kepadaNya)? Dan (ingatlah) Allah sentiasa Membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya), lagi Maha Mengetahui (akan hal keadaan mereka).

Surah an-Nisā' (4): 147

Dalam ayat ini kata syukur disebut terlebih dahulu daripada kata iman. Bagi memahami mengapa kata syukur disebut sebelum iman, Syeikh al-Mutawalli Al-Sha'rawī (1999) meletakkan syukur sebagai pemberian pujian kepada pemberi nikmat dari seseorang yang telah diberi nikmatnya. Bagi Syeikh al-Mutawalli Al-Sha'rawī (1999) beriman kepada zat Allah SWT datang setelah memperoleh kenikmatan (*ba'da intifa'i al-ni'mah*).

Apabila memperkatakan tentang syukur, maka perlu dijelaskan juga tentang nikmat. Dalam hal ini, al-Makkī (1997) menjelaskan nikmat Allah SWT tidak terhitung banyaknya, namun beliau menyatakan nikmat yang paling besar ialah nikmat iman kepada Allah SWT, Rasul dan al-Quran serta dipeliharanya iman tersebut. Selain itu, manusia wajib bersyukur di atas nikmat kehidupan yang telah ditetapkan, seperti nikmat dilahirkan dalam kejadian manusia dalam bentuk yang sempurna, dipelihara iman, berada dalam agama Islam, kesihatan, ditutup kelakuran buruk, rezeki yang diturunkan, ketenangan, keselamatan, nikmat malu dan lain-lain lagi. Justeru itu, terdapat beberapa manfaat syukur, antaranya (Ahmad Yani, 2007):

- i. Menyucikan jiwa:
Bersyukur dapat menjaga kesucian jiwa, sebab menjadikan manusia terhindar dari sifat buruk, seperti sombong atas apa yang diperolehnya.
- ii. Mendorong jiwa untuk beramal soleh:
Bersyukur yang harus ditunjukkan dengan amal soleh membuat seseorang selalu terdorong untuk memanfaatkan apa yang diperolehnya untuk kebaikan. Semakin banyak kenikmatan yang diperoleh semakin banyak pula amal soleh yang dilakukan.
- iii. Menjadikan orang lain reda:
Dengan bersyukur, apa yang diperolehnya akan berguna bagi orang lain dan membuat orang lain reda kepadanya. Perlu disedari bahawa nikmat yang diperoleh tidak harus dinikmati sendiri tapi juga harus dinikmati oleh orang lain sehingga hubungan dengan orang lain pun menjadi baik.
- iv. Memperbaiki dan melancarkan interaksi sosial:
Dalam kehidupan bermasyarakat, hubungan yang baik dan lancar merupakan hal yang amat penting. Hanya orang yang bersyukur yang mampu melakukan upaya memperbaiki dan melancar hubungan sosial kerana tidak ingin menikmati sendiri apa yang telah diperolehnya.

Untuk memastikan segala manfaat daripada bersyukur itu dapat dirasakan, Jadual 1 menjelaskan cara-cara yang dapat dilakukan untuk bersyukur.

Jadual 1: Cara bersyukur

Cara	Huraian
Hati	Merasa puas atau senang terhadap apa yang menjadi ketetapan Allah SWT. Menyedari dengan sepenuh hati bahawa semua nikmat, kesenangan, dan segala sesuatu yang diperoleh semata-mata kerana kemurahan dari Allah SWT. Hati yang bersyukur akan melahirkan jiwa yang <i>qana'ah</i> .
Anggota tubuh	Rentetan daripada amalan hati yang dizahirkan pada gerakan anggota tubuh sebagai bukti nyata daripada rasa syukur.
Lisan	Syukur dalam bentuk gerak lisan yakni dengan cara mengucapkan lafaz <i>hamdalah</i> dan memuji Allah SWT serta tidak mengeluh terhadap nikmat yang tidak sesuai dengan kehendak diri sendiri.

Berdasarkan keterangan di atas, dapat difahami bahawa konsep syukur terbina atas tiga komponen utama, iaitu (i) Syukur dengan hati dengan mengetahui bahawa segala nikmat berasal dari Allah SWT bukan selainNya. Hati yang bersyukur dapat memantapkan kebaikan yang sudah dilakukan serta menghasilkan kebaikan yang belum ada (Fadhalla, 2013). (ii) Syukur dengan lisan, menerusi ucapan *alhamdulillah* dan segala bentuk pujian kepadaNya. Dalam psikologi Qurani, bersyukur dengan lisan adalah mengucapkan secara zahir lafaz *alhamdulillah* (segala puji bagi Allah). Lafaz ini merupakan ungkapan syukur yang paling masyhur dalam kalangan umat Islam bagi menggerakkan hati dan anggota tubuh badan senantiasa bersyukur. (iii) Syukur dengan jasmani, tidak mempergunakan setiap anggota badan dalam kemaksiatan tetapi untuk ketaatan kepadaNya. Termasuk juga mempergunakan apa yang diberikan oleh Allah SWT berupa kenikmatan dunia untuk menambah ketaatan kepadaNya bukan untuk kebatilan.

Oleh itu, tidak semua gerak anggota badan merupakan bentuk dari syukur, terdapat beberapa syarat gerak anggota tubuh yang menjadi bukti amal syukur, yakni Memanfaatkan anugerah yang telah diperoleh sesuai dengan maksud dan tujuan Allah SWT menganugerahkan nikmat tersebut. Melakukan amalan dengan penuh ketundukan dan rasa harap amalan itu akan diterima oleh Allah SWT. Melakukan amalan dengan sepenuh hati dan bersungguh-sungguh. Amal dari anggota tubuh harus sesuai dengan aturan syariat Allah SWT (Nasution, & Siregar, 2013).

4. Adaptasi syukur dalam rawatan pedofilia

Al-Makkī (1997) telah menekankan aspek pemberi nikmat, iaitu dengan memahami dan mengetahui bahawa pemberi nikmat tersebut ialah Allah SWT. Hal ini merupakan satu bentuk syukur melalui hati, iaitu dengan memahami hati untuk bersyukur serta menyuarakan dengan hati dan bukan hanya melalui lisan sahaja. Imam al-Ghazālī (1983) menjelaskan bahawa syukur tersusun atas tiga perkara, iaitu:

- i. Ilmu, iaitu pengetahuan tentang nikmat dan pemberinya, serta meyakini bahawa semua nikmat berasal dari Allah SWT dan yang lain hanya sebagai perantara untuk sampainya nikmat. Dengan begitu, orang yang bersyukur akan selalu memuji Allah SWT dan tidak akan muncul keinginan memuji yang lain.
- ii. Hal (keadaan spiritual), suasana jiwa yang tenteram disebabkan pengetahuan dan keyakinan padu kepada Allah SWT. Orang yang bersyukur akan sentiasa senang dan mencintai yang memberi nikmat, dalam bentuk ketundukan dan kepatuhan.
- iii. Amal perbuatan yang berkaitan dengan hati, lisan, dan anggota badan. Hati yang berkeinginan untuk melakukan kebaikan, lisan yang menampakkan rasa syukur dengan pujian kepada Allah SWT dan anggota badan yang menggunakan nikmat-nikmat Allah SWT dengan melaksanakan perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya.

Syeikh al-Mutawalli Al-Sha'rawī (1999) menambahkan komponen yang keempat, iaitu syukur dengan harta (bi al-Māl). Syukur bentuk ini bermaksud tidak menafkahkan harta kecuali hanya pada jalan reda dan cinta kepadaNya.

Berkaitan dengan pesalahlaku pedofilia, data temu bual bersama responden di penjara Kajang Selangor pada 23 Januari 2020 mendapati 10 pesalah merasa bersyukur mereka dipenjarakan. Hal ini kerana sepanjang tempoh hukuman berlangsung seluruh penghuni diberikan jadual pengisian agama dan ibadah dengan sempurna. Malah ada sebahagian pesalah yang mengakui sejak dipenjarakan mereka istiqomah menjaga solat fardhu berjemaah, kerap qiamulail, mengaji al-Quran dan mendengar pengisian tazkirah, dan ini sekali gus memberi dampak kepada jiwa mereka secara langsung. Untuk melihat gambaran yang lebih jelas tentang adaptasi elemen syukur terhadap pesalahlaku pedofilia, dapat dilihat pada Jadual 2.

Jadual 2. Adaptasi elemen syukur

Konsep	Adaptasi
Syukur dengan anggota tubuh	Pesalah komitmen menjaga solat fardhu berjemaah, qiamulail, mengaji al-Quran dan mendengar pengisian tazkirah. Secara terperinci, mereka wajib solat berjemaah lima waktu, dan tiga jenis solat sunat, iaitu solat dhuha, hajat dan taubat setiap hari. Malah pesalah digalakkan berpuasa sunat Isnin dan Khamis.
Syukur dengan hati	Sebahagian dari responden menerima hukuman dengan redha, kebanyakan bersangka baik dengan Allah SWT. Masing-masing bersyukur kerana masih diberikan ruang masa dan kesihatan untuk bertaubat dan bermuhasabah atas setiap kesilapan yang telah dilakukan.
Syukur dengan lisan	Sepuluh responden mengakui bahawa bibir mereka kerap beristighfar dan berzikir berbanding mengucapkan perkara-perkara yang sia-sia. Munajat zikir dilakukan pada setiap pagi pada tiap hari. Tiga dari sepuluh responden merasa bersyukur duduk di penjara kerana dapat mempelajari al-Quran, malah ada yang baru belajar Iqra' satu walaupun sudah berumur 60 tahun. Dalam tempoh satu minggu pesalah akan belajar mengaji sebanyak tiga kali secara semakan bersemuka.

Berdasarkan rekod temu bual bersama pesalahlaku pedofilia, pengkaji mendapati elemen syukur telah dipraktikkan kepada tiga bahagian, iaitu syukur dengan anggota tubuh, syukur dengan hati dan syukur dengan lisan. Menjadi perkara rutin untuk sepanjang tempoh mereka ditahan dan dihukum, aktiviti keagamaan merupakan pengisian utama harian mereka. Maka tidak hairanlah apabila responden menyatakan rasa kesyukuran di saat temu bual, kerana mereka memaknai kehidupan mereka dipenjara sebagai *turning point* kembali kepada fitrah dan Tuhannya (Pesalah, 23 Januari 2020).

Latihan dalam mencernakan syukur bagi pesalahlaku pedofilia pada hakikatnya telah disarankan oleh al-Makkī dengan beberapa praktikal antaranya ialah secara lisan dengan berzikir dengan menyebut 'الحمد لله', secara hati dengan mengakui dan beriktikad bahawa Allah SWT adalah pemberi nikmat dan melalui anggota badan dengan menghindarkan diri dari melakukan maksiat di samping mengerjakan amalan soleh serta menggunakan nikmat tersebut ke jalanNya (al-Makkī, 1997).

Dalam perspektif psikologi positif, orang-orang yang memiliki kelaziman luar biasa dalam bersyukur kepada Tuhan, memiliki kemampuan menyelami jiwa dan batin orang lain dengan penuh empatik. Meskipun tidak memiliki banyak harta, orang yang bersyukur cenderung lebih dermawan dan rendah hati dibandingkan dengan orang-orang kaya. Kaum yang bersyukur lebih cenderung untuk mengakui keyakinan akan keterkaitan seluruh kehidupan, serta rasa ikatan dan tanggungjawab terhadap orang lain (Takdir, 2017). Psikologi dan emosi inilah menurut pandangan penulis yang seharusnya mengawal tindak tanduk manusia dari terlibat dengan segala jenis perbuatan salah laku manusia. Dengan penerapan nilai syukur yang tinggi pada lisan, hati dan perbuatan menjadi sumber kepada pencegahan dan pemulihan diri manusia dari segala sifat mazmumah dan dosa seperti perbuatan pedofilia dan sebagainya.

5. Rumusan

Konklusinya, adaptasi elemen syukur dalam konsep rawatan pemulihan terhadap golongan pedofilia dilihat sesuai untuk dimodelkan. Ini kerana syukur merupakan elemen penting yang menghubungkan manusia dengan Allah SWT, dan menjadi nilai signifikan yang kuat dengan iman seseorang muslim. Pelbagai konsep syukur telah dibahas menurut pandangan ulama, malah turut dinyatakan dapatan data temu bual sebagai hujah sokongan terhadap adaptasi elemen syukur bagi golongan pedofilia. Oleh itu, diharap kajian ini dapat memberi sumbangan terhadap pencegahan dan rawatan kepada golongan pedofilia di Malaysia secara khususnya.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2018. No Geran: 2018/RC/GPIK-INHAD/003, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Psikoterapi Qurani dan Nabawi Bagi Pemulihan Salah laku Pedofilia Di Malaysia'.

Rujukan

- Ahmad Yani. (2007). *Be Excellent: Menjadi Pribadi Terpuji*. Jakarta: Qalam.
- Aura Husna. (2013). *Kaya dengan Bersyukur: Menemukan Makna Sejati Bahagia dan Sejahtera dengan Mensyukuri Nikmat Allah*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- al-Ghazālī, A.H. (1983). *Taubat, Sabar dan Syukur*. Jakarta: PT. Tintamas Indonesia.
- al-Makkī, A.T (1997). *Qūt al-Qulūb fī Mu'āmalah al-Mahbub wa Waṣf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tawhīd*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Ilmiyyah.
- al-Munawī. (t.th.). *Faidh al-Qadīr Syarah al-Jamī' al-Ṣaghīr*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- al-Nawawī. (1987). *Nuzhatul Muttaqīn Sharḥ Riyāḍ al-Ṣalīḥīn*. Beirut: Mū'assisah al-Risālah.
- al-Rāghib al-A'ṣfahānī. (2002). *Mufradāt al-fāz al-Quran*. Beirut: Dār al-Qalam.
- al-Sha'rawī, M.M. (1999). *Tafsīr al-Sya'rawī*. Kaherah: Akhbar al-Yawm.
- Berlin, F.S. (2014). Pedophilia and DSM-5: The importance of clearly defining the nature of a pedophilic disorder. *Acad Psychiatry Law*. 42, 404-7.
- Fadhalla, S. (2013). *Al-Hikam: 264 Hikmah dan Renungan Spiritual Harian Ibn Athaillah*. Jakarta: Serambi.
- Fagan, P. J., Wise, T. N., Schmidt, C. W., & Berlin, F. S. (2002). Pedophilia. *JAMA*. 288 (19): 2458-65. doi:10.1001/jama.288.19.2458. PMID 12435259.
- Fāris al-Qazwīnī, A. (1999). *Mu'jam Maqāyīs al-Lughāh* Beirut: Dār al-Jil.
- Ibn Kathīr, M. I. (2002). *Tafsīr al-Quran al-'Azīm*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzūr, I. (1984). *Lisan al-'Arab*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2010). *Tahdhīb Madārij al-Salīkīn*. Mesir: Dār al-Naṣr al-Jami'at.
- Muhammad Quraish Shihab. (1996). *Wawasan Al-Qur'an: Tafsīr Mauḍhu'i atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Mizan.
- Muhammad Quraish Shihab. (2007). *Ensiklopedia Al-quran: Kajian Kosakata*. Jakarta: Lentera Hati.
- al-Najā, A. (2001). *Ilmu Jiwa dalam Tasawwuf Studi Komparatif dengan Ilmu Jiwa Kontemporer*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- al-Najā, A. (2004). *Psikoterapi Sufistik dalam Kehidupan Modern*. Bandung: PT. Mizan Publika.

- Nasution, A. B. & Siregar, R. H. (2013). Akhlak Tasawuf: Pengenalan, Pemahaman, dan Pengaplikasiannya. *Disertai Biografi dan Tokoh-Tokoh Sufi*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Nor, K. M. T., Zaidatul, N. A. Y., Nurul, N. A. A., Roslina, A., & Siti, H. A. (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. *Proceeding 6th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)*. Putrajaya: Zes Rokman Resources. 63-69.
- Noresah. (2005). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sachiko, M., & William, C. (2005). *The Vision of Islam*. Yogyakarta: Suluh Press.
- Seto, M. C. (2009). Pedophilia. *Annual Review of Clinical Psychology*. 5: 391–407.
- Sudirman, T. (2003). *Tasawuf Positif*. Jakarta: Prenada Media.
- Takdir, M. (2017). Kekuatan Terapi Syukur dalam Membentuk Pribadi yang Altruis: Perspektif Psikologi Qur'ani dan Psikologi Positif. *Jurnal Studia Insania*. hal 175-198. DOI: <http://dx.doi.org/10.18592/jsi.v5i2.1493>.
- Tsabit, M. K. (2009). *Quantum Ridha: I'tibar Kesejukan Hati, Kemuliaan Pribadi Terhadap Qadha Ilahi*. Jakarta: Amzah.
- Usman, A. H. (2017). Hegemoni Hadis dalam Pentafsiran Al-Quran: Diagnosis Pemikiran Hadis M. Quraish Shihab (L. 1944). *HADIS*, 7(14), 24-38. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/22>
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Saleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2019). Hadis Targhib Dan Tarhib Dalam Menangani Isu Penagihan Dadah. *HADIS*, 9(17), 48-64. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/56>